

21/09/2002

LPKP sedia kursus etika pemandu teksi, bas

LEMBAGA Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) akan menyediakan lebih banyak kursus etika kepada pemandu teksi dan bas di seluruh negara bagi memastikan mereka memberi layanan memuaskan kepada pelancong.

Pengerusinya, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar, berkata langkah itu penting dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke negara ini sekali gus meningkatkan aliran wang tunai ke dalam negara.

Untuk itu, katanya, LPKP akan menggunakan pelbagai kaedah, termasuk peruntukan yang disediakan kerajaan bagi memperbaiki perkhidmatan berkenaan.

"Antara lain, kita akan bekerjasama dengan pihak hotel bagi memperbaiki perkhidmatan pengangkutan ini supaya dapat memberi layanan berkesan kepada pelancong," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2003 berkata, industri pelancongan perlu memupuk budaya mesra pelancong bagi menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, sedikit senyuman di bibir dan layanan baik kepada pelancong tidak mempunyai apa-apa kos tetapi boleh menarik pelawat asing datang ke negara ini berkali-kali.

Dr Mahathir berkata, apabila Malaysia masyhur kerana rakyat yang baik budi, tidak menipu pelancong dan memberi layanan memuaskan, industri pelancong akan berkembang dengan pesat dan membawa masuk banyak tukaran asing.